



KURSUS PROFESIONALISME
Imam dan Bilal

Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2024



Dari meja Imam Besar

Assalamualaikum w.b.t

Segala puji bagi Allah SWT, tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga serta sahabat-sahabat baginda. Bersyukur ke hadrat Allah SWT, Buletin Siri 2.2024 dapat diterbitkan.

Dipanjatkan rasa syukur kepada Allah S.W.T kerana Masjid Wilayah Persekutuan masih diberi peluang untuk merancang dan melaksanakan program-program ibadah, aktiviti kelas, seminar, pengajian dan lain-lain tugas yang diamanahkan. Pihak masjid juga bersyukur terhadap sambutan dari jemaah dan masyarakat terhadap program dan aktiviti yang dianjurkan. Buletin edisi ini melaporkan sebahagian program dan aktiviti yang telah diadakan sepanjang bulan Jun hingga Ogos 2024.

Setiap program yang dilaksanakan dan kejayaan yang dicapai adalah hasil usaha dan komitmen warga MWPKL dan juga kerjasama agensi-agensi luar. Semoga kerjasama ini akan berterusan bagi mengimarahkan masjid ini. Akhir kata semoga sumbangan yang telah disumbangkan oleh masyarakat ke masjid ini akan memperoleh ganjaran pahala dan keberkatan daripada Allah S.W.T

Sekian, Wassalam w.b.t



TUAN HAJI JAMAL
BIN ABD HALIM

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Y.Bhg. Kolonel Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail
Pengarah
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

PENASIHAT

Ybrs. Tuan Haji Jamal bin Abd Halim
Imam Besar
Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

KETUA PENGARANG

Ustaz Jamal Zaidi bin Ismail

PENGARANG

Ustaz Dr.Khalid bin Isa
Ustaz Syapol Ma'arof bin Mohd
Ustazah Faizah binti Fadzil

REKABENTUK DAN GRAFIK

Encik Eddy Ezrul bin Abdul Majid

JURUFOTO

Encik Eddy Ezrul bin Abdul Majid
Encik Mohd Hisham bin Mat Zain
Encik Faiezal bin Ab Jamal
Puan Siti Khairina binti Mustoha

EDARAN

Ustaz Mohd Eshwal bin Salman
Encik Nizan Shah Samsuri
Encik Abdullah bin Abdul Jalil

HUBUNGI KAMI

MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
JALAN TUANKU ABDUL HALIM, 50480 KUALA LUMPUR
TEL: 03 6201 8791 | FAKS: 03 6201 8790

WAKTU PEJABAT

ISNIN - KHAMIS - 8.00 PAGI - 4.30 PETANG

(WAKTU REHAT 1.00 - 2.00 PETANG)

JUMAAT - 8.00 PAGI - 4.30 PETANG

(WAKTU REHAT 12.15 TENGAHARI - 2.45 PETANG)

SABTU / AHAD / CUTI UMUM - TUTUP



e-mel : masjidwp@jawi.gov.my



Laman Sesawang Rasmi :
www.masjidwilayah.gov.my



masjidwilayahpersekutuan



4 JUN 2024
CERAMAH IBADAH KORBAN

Ceramah Ibadah Korban sempena menyambut kedatangan sambutan Hari Raya Aidiladha telah disampaikan oleh penceramah jemputan YBhg. Dato' Ustaz Mohd Kazim Elias bertempat di dewan solat selepas solat maghrib. Program tersebut telah dianjurkan oleh Yayasan Budi Ihsan Malaysia dengan kerjasama Masjid Wilayah Persekutuan KL.




5 JUN 2024
PROGRAM BAIT AL-RIZQ

Program Bantuan Bait Al-Rizq bertempat di Dewan Seminar Persatuan Orang Buta Malaysia melibatkan seramai 50 penerima. Sumbangan telah disampaikan oleh Us. Dr. Syapol Maarof, PPK Unit Kebajikan dan Sosial MWPKL.



10-11 JUN 2024
KURSUS PROFESIONALISME IMAM & BILAL

Kursus Profesionalisme Imam dan Bilal 2024 anjuran Unit Kelas Pengajian Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah berlangsung selama 2 hari bertempat di Dewan Serbaguna MWPKL telah dirasmikan oleh YBrs. Ustaz Jamal bin Abd Halim, Imam Besar MWPKL. Kursus tersebut telah mendapat sambutan dengan penyertaan seramai 100 orang peserta dan sesi pengisian bagi kursus tersebut telah dibimbing oleh 4 orang penceramah jemputan.





13 JUN 2024

LAWATAN KERJA JABATAN HAL EHWAL AGAMA NEGERI TERENGGANU

Lawatan terdiri dari 20 orang pegawai dari JHEAT, MAIDAM, UPEN dan JKR Terengganu telah disambut oleh YBhg Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail, Pengarah JAWI diringi pegawai-pegawai pejabat pentadbiran MWPKL. Sesi taklimat telah disampaikan oleh Ybrs Tuan Haji Jamal bin Abdul Halim, Imam Besar MWPKL bertempat di bilik mesyuarat Al-Khawarizmi. Rombongan juga turut dibawa melawat fasiliti dan sekitar kawasan masjid.



17 JUN 2024

SAMBUTAN HARI RAYA AIDILADHA

Solat dan Khutbah Hari Raya Aidiladha di Masjid Wilayah Persekutuan telah diimam dan disampaikan oleh Ybrs Us. Mohamad Afandi Che Harun, Imam Kanan MWPKL. Setelah selesai solat sambutan Aidiladha diteruskan dengan Program Ibadah Korban bertempat di perkarangan Anjung A melibatkan seramai 200 orang petugas terdiri dari kakitangan MWPKL dan jemaah masjid secara gotong-royong menguruskan 11 ekor lembu korban. Agihan daging korban kepada jemaah telah disampaikan oleh Ybrs.Us.Haji Jamal b. Abd Halim, Imam Besar MWPKL.



4 JULAI 2024

FORUM PERDANA MAAL HIJRAH 1446H



Sempena dengan sambutan Maal Hijrah 1446H Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menganjurkan Forum Share Hijrah Bersama Selebriti dan Tiktokers dengan tajuk "Ke manakah Hijrah ku" bertempat di dewan solat. Forum bermula selepas solat Maghrib menampilkan selebriti iaitu Tuan Haji Shamsul @ Shamsul Ghau-Ghau sebagai moderator dan 2 orang tiktokers sebagai panel iaitu Muhamad Mikhael Sathayah@mukagengster dan Masitah@mashy.



15 JULAI 2024

MESYUARAT JAWATANKUASA PENTADBIRAN MWPKL

YBhg Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail, Pengarah JAWI telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran Masjid Wilayah Persekutuan KL Bil 2.2024 bertempat di bilik mesyuarat Al-Khawarizmi. Pada mesyuarat tersebut Ahli-Ahli Jawatankuasa telah meneliti laporan aktiviti dan kewangan MWPKL untuk kelulusan aktiviti dan program yang akan diadakan oleh pentadbiran MWPKL.



18 JULAI 2024

PROGRAM AGIHAN DAGING KORBAN MUSLIM AID

Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan kerjasama Muslim Aid Malaysia, Sahabat Masjid dan Surau Al Barakah Bank Rakyat telah menganjurkan Program Smart Qurban, Daging Qurban Sejuk Beku 2024 bertempat diperkarangan Anjung A. Daging korban dari Australia sebanyak 500 kotak yang dimuatkan di dalam sebuah kontena telah dipunggah oleh kakitangan MWPKL dan Muslim Aid untuk diagihkan kepada penerima yang telah disenaraikan. Sesi penyerahan ringkas telah disempurnakan oleh Ybrs Tn. Hj Jamal bin Abdul Halim, Imam Besar MWPKL dengan menyerahkan daging-daging tersebut kepada penerima.



31 JULAI 2024

KURSUS PENGURUSAN JENAZAH PERDANA

Kursus Pengurusan Jenazah Perdana telah diadakan di dewan serbaguna MWPKL dengan penyertaan seramai 100 orang peserta. Sesi ceramah telah disampaikan oleh Ybrs. Ustaz Zamri Bin Shafie, Pegawai Bahagian Dakwah JAWI pada sesi pagi manakala sesi petang telah diadakan sesi praktikal pengurusan jenazah dibimbing oleh fasilitator dari JAWI. Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh Ybrs. Us.Dr. Khalid bin Isa, Penolong Pengarah Kanan, Unit Kelas Pengajian MWPKL.



5 OGOS 2024

**PENYAMPAIAN PENGHARGAAN DARI
BANK ISLAM MALAYSIA BHD**

Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (MWPKL) telah menerima penghargaan dari Bank Islam Malaysia Bhd (BIMB) sempena dengan kempen menderma menggunakan aplikasi QR kod ke dalam akaun Tabung MWPKL yang telah diadakan pada bulan Ramadan 2024. Kutipan derma yang diterima oleh MWPKL menggunakan aplikasi QR kod BIMB merupakan antara yang tertinggi di antara masjid-masjid yang merupakan pelanggan bank tersebut.



6 OGOS 2024

**MAJLIS PENYERAHAN VAN SERBAGUNA DARI
PERSATUAN SAHABAT MASJID MWP**

Persatuan Sahabat MWP telah menyumbang sebuah van kepada pengurusan Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk kegunaan program dan aktiviti masjid. Van tersebut telah disampaikan oleh YB Dato' Sri Hasan bin Arifin, Pengerusi Sahabat MWP kepada Ybng Kolonel Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail, Pengarah JAWI merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran MWPKL bertempat di parkir Anjung A yang turut dihadiri pegawai dan kakitangan Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.





**PROGRAM PERMATA REMAJA
KEM MOTIVASI PELAJAR 2024
23 - 25 OGOS 2024**



Program telah dianjurkan oleh Unit Dakwah Masjid Wilayah Persekutuan selama 3 hari 2 malam bertempat di Lembah Azwen Resort, Hulu Langat, Selangor. Peserta merupakan pelajar-pelajar asnaf yang telah dipilih dari SMK Bandar Tasik Selatan seramai 40 orang bersama 4 guru pengiring. Antara pengisian program dan aktiviti adalah sesi ice breaking, kerja berpasukan, rempuh halangan, water confident, senamrobik dan sesi pengisian rohani. Seramai 11 orang urusetia terlibat mengendalikan program tersebut yang diketuai oleh Ybrs. Us. Jamal Zaidi bin Ismail, PPK Cawangan Khidmat Pengurusan MWPKL.



**ZIARAH MAHABBAH
KG. ORG ASLI SUNGAI RUAI, RAUB, PAHANG
28-29 OGOS 2024**





Program telah dianjurkan oleh Unit Dakwah MWPKL dengan kerjasama Persatuan Sahabat Masjid selama 2 hari 1 malam melibatkan 250 orang penduduk kampung terdiri pelbagai peringkat umur. Penyelaras program telah diketuai oleh Ybrs. Us. Syapol Ma'arof bin Mohd, PPK MWPKL dibantu 17 orang pegawai MWPKL dan 4 orang kakitangan Muslim Aid. Antara pengisian program tersebut adalah aktiviti gotong-royong membersihkan surau, jamuan makan malam bersama penduduk, sukaneka, kuiz dan aktiviti ziarah rumah ke rumah serta penyampaian sumbangan bakul makanan.





MASJID TOUR PROGRAM

Monthly Visitor Volume – Jan 2019 to Aug 2024*



Visitor feedback

It was a very nice experience. It is the first time that someone has taken the time to explain to me the sense of Islam. I really enjoyed it. Thank you for giving us the opportunity to understand your religion. **| Micaela, Argentina**

The guide was very good and knowledgeable. Very friendly. It's rare to find such a good tour for free **| Bryan, Malaysia**

Very informative tour. Has been very engaged, convinced us to read Koran. She has answered all our questions. The mosque made me reflect. **| Visitor, Poland**

Enjoyed it very much! Very calm and very knowledgeable about everything. I appreciate it's just an education on Islam rather than forcing others. **| Jovan, United States**

The tour was very complete and I learnt a lot of things. I liked the way how the guide was also asking us questions, it ended up in nice interactions. **| Visitor, France**

Very interesting. Thank you for the opportunity to go deeper in Muslim religion. I am very happy. And I will tell about it in my YouTube channel. **| Visitor, Ukraine**

Fantastic guide, very friendly and knowledgeable. Would be good to know before the tour how long approximately it would take. **| Mimi, Sweden**

The tour was very informative and we really enjoyed learning about everything. Was a wonderful experience. Improvement - We were very confused at the beginning. Would be good to let visitors know from the beginning (even at front desk) that this mosque offers free guided tours to visitors. We didn't know what to expect and didn't realize we were getting pulled into a tour. We were very appreciative and it was an excellent, informative tour. We were just surprised, so adding some more context would be helpful. **| Reina & Nick, United States**

SUMBANGAN UNTUK TABUNG MASJID



NAMA BANK :
BANK ISLAM
NOMBOR AKAUN :
14023010023833
NAMA AKAUN :
MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN

MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN KL
 MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN KL
 MALAYSIA NATIONAL QR
 Accepted by participating Banks and e-wallets
 Merchant Partner
 BANK ISLAM

Ringkasan

PENAWAR bagi HATI



PROGRAM
RIYADHUL JANNAH
BERSIRI

KITAB DIJUAL
PADA HARGA
RM30 BAGI
PESERTA BARU



Al Fadhil Ustaz
Muhadir Joll

ISNIN | MINGGU PERTAMA SETIAP BULAN

10.00 PAGI - 12.00 TENGAH HARI

UNTUK
MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI

DEWAN MUSLIMAT
MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN

US.ANAS
012-257 5553

KITAB SAIRUS SALIKIN



Penceramah **DR AYMAN AL-AKITI**



MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN RASMI

9.00 PG -
10.00 PG

SELASA SETIAP
MINGGU



www.masjidwilayah.gov.my



masjidwilayahpersekutuan



masjidwilayahpersekutuan

Kuliah Maghrib Bulanan



Kitab Bidayatul-Hidayah



11 JANUARI 2023 | RABU

SELEPAS SOLAT MAGHRIB

DEWAN SOLAT UTAMA
MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN

Berama

Ustaz Zul Ramli M. Razali
Pendakwah & Penceramah Motivasi



Masjid Wilayah Persekutuan Rasmi

Program Jilsah Ulama



Kitab Induk Minhaj Al Thalibin 2024 BERSIRI



DR. MUHAMMAD
AYMAN AL-AKITI

S.S DATUK DR LUQMAN
B. HAJI ABDULLAH

Y.BHG DATO' SERI
HASSAN AHMAD

DR. SYED SHAHRIDZAN
B. SYED MOHAMED

MAULANA USTAZ
FUAD AMRAN

MAULANA USTAZ
AHMAD LUTFI
B. MUHAMMAD

MAULANA USTAZ
MANAN LUBIS
BIN KASRI

SABTU MINGGU AKHIR
SETIAP BULAN 9⁰⁰ PG 11³⁰ PG



MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN RASMI

UNTUK PERTANYAAN | US.ANAS 012-257 5553 | US.JEFFRI 019-343 9652

TARIKH DAN MASA PROGRAM-PROGRAM ADALAH TERTAKLUK KEPADA PINDAAN DARI MASA KE MASA



Jurunikah

Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



**DR. SYAPOL MA'AROF
B. MOHD
012-914 9690**



**DR. KHALID B. ISA
013-976 5546**

KADAR BAYARAN | JURUNIKAH RM150 | SAKSI NIKAH RM50 SEORANG



Dewan Pernikahan

RM200 | 30 MINIT

KADAR SEWA DEWAN-DEWAN JAMUAN MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Dewan Jamuan Muslimat 200 pax



RM2,500.00

RM3,000.00



Dewan Jamuan Muslimin 400 pax

- *Kadar sewa adalah termasuk kerusi dan meja.
- *Tempahan jamuan hanya dari senarai syarikat katering yang berdaftar dengan Masjid Wilayah Persekutuan sahaja.
- *Waktu penggunaan adalah pada 8.00 pagi hingga 5.00 petang.
- *Penyewa perlu mematuhi lain-lain peraturan yang telah ditetapkan.